

BH 17 03. 2008 M/S 3



PENCAPAIAN DIKTIKRAF: Pelajar Kumon yang berjaya menamatkan pengajian pada peringkat tertinggi (empat dari kiri) menerima perisai tertinggi Kumon Malaysia.

# Kumon didik tabiat belajar, berdikari

Pelajar dilatih tingkat kemahiran secara berterusan

## Oleh Habsah Dinin

**P**ROGRAM Kumon terbukti bukan saja membantu pelajar cemerlang dari segi akademik tetapi juga membantu mereka membina keyakinan dan meningkatkan potensi diri.

Melalui program Kumon ini, perkara asas yang ditekankan ialah menjadikan pelajar yang berdisiplin dan berdikari.

Disiplin diri sangat penting dalam meniti kejayaan dalam hidup. Oleh itu, langkah pertama, pelajar Kumon dilatih supaya berdisiplin dan mempunyai tabiat belajar yang baik. Ini adalah prasyarat menjadi pelajar cemerlang.

Kaedah pembelajarannya mengikut kebolehan individu ini membolehkan pelajar belajar dengan selesa lalu meningkatkan minat mereka belajar kerana pembelajaran bukan lagi bebanan tetapi tanggungjawab untuk bekalan masa depan mereka.

Dengan itu pelajar mampu memberi tumpuan terhadap pelajaran mereka dan membina kemahiran dalam menyelesaikan sesuatu tugas.

Penguasaan dalam sesuatu mata pelajaran pula menimbulkan keinginan untuk maju ke hadapan dan menjadikan mereka pelajar cemerlang yang ada keazaman yang kuat untuk memajukan diri sendiri.

Selepas lebih 10 tahun bertapak di Malaysia, kini ada 190 pusat Kumon di seluruh Malaysia dengan lebih 33,000 pelajar terdiri dari pelbagai peringkat umur, seawal usia tiga ta-

hun sehingga peringkat kolej.

Kemajuan pelajar dinilai secara individu supaya setiap pelajar dapat maju selaras dengan kebolehannya.

Pelajar cerdas mendapat manfaat di Kumon kerana tiada sekatan untuk mereka maju lebih cepat ke peringkat yang lebih tinggi malah melebihi apa yang dipelajari di sekolah.

Pelajar yang pencapaiannya sederhana pula digilap supaya menjadi lebih cemerlang dengan program tersusun hingga dapat mencapai kejayaan.

Pelajar lemah dibimbing supaya dapat mengikut pembelajaran dan menguasai kemahiran asas seterusnya kembali berminat dalam pembelajaran.

Pendek kata, semua peringkat umur dan kebolehan mendapat manfaat dari program Kumon ini dan

tiada pelajar yang ketinggalan.

Oleh kerana setiap pelajar ada kebolehan yang berbeza-beza dan maju pada kadar yang berbeza, tiada jangka masa khusus bagi pelajar menamatkan pengajian mereka di Kumon.

Program Matematik dan program bahasa Inggeris Kumon merangkumi sehingga ke peringkat prauniversiti.

Setakat ini seramai 165 pelajar yang menamatkan pembelajaran ke peringkat yang tertinggi. Sesetengah dari mereka walaupun masih di peringkat sekolah rendah sudah mampu belajar pada peringkat prauniversiti.

Jangka masa pelajar mengikut program Kumon juga berbeza dan bergantung kepada masa mereka menyertai program itu sama ada peringkat prasekolah, sekolah rendah atau sekolah menengah dan juga mengikut kebolehan pembelajaran masing-masing.

Jika pelajar ada asas yang baik dan bermula pada peringkat tinggi, kemungkinan mereka hanya mengambil masa antara dua hingga lima tahun saja, sebaliknya jika pelajar bermula dari peringkat bawah dan ada masalah pembelajaran, kemungkinan mereka mengambil masa lebih panjang.

Yang penting setiap pelajar dapat merasai setiap langkah yang dilalui menjadi asas kepada kejayaan yang diimpikan.

Pada Disember 2007, seramai 40 peratus pelajar Kumon mencapai pe-

**FAKTA NOMBOR**

Kumon

**190**

Pusat di seluruh negara

**33,000**

Pelajar pelbagai peringkat umur



na pengiktirafan daripada pengurusan



**TAK KIRA UMUR:** Pelajar sedang membuat latihan menguasai kemahiran dalam program Matematik di Kumon.



**KUASAI KEMAHIRAN:** Sistem pembelajaran Kumon yang berkesan dan teratur meningkatkan potensi pelajar dan menyuntik minat belajar dikalangan kanak-kanak.

ringkat melepasi tahap persekolahan mereka.

Ini menunjukkan walaupun pelajar bermula pada tahap dua atau tiga tahun lebih rendah dari yang dipelajari di sekolah, menerusi sistem yang berkesan dan teratur, pelajar mampu maju melepasi tahap persekolahan mereka, asalkan belajar dengan konsisten sepanjang tahun.

Bukannya mudah untuk mencapai ke tahap ini tanpa sokongan dari ibu bapa kerana program Kumon bukanlah seperti tuisyen biasa.

Permuafakatan tiga hala bersama pembimbing, ibu bapa dan pelajar perlu diadakan selalu untuk memastikan perkembangan pelajar dan mo-

tivasi mereka berada pada tahap optimum.

Semua ibu bapa mengimpikan anak mereka cemerlang akademik dan sahsiah yang terpuji. Kumon berbesar hati berkongsi pengalaman dengan ibu bapa dalam mendidik generasi muda menjadi seorang yang berjaya.

Kumon Malaysia akan menyertai Pameran Pendidikan terbesar di Malaysia iaitu Smart Kids 2008 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur dari 21 hingga 23 Mac 2008 ini.

Ibu bapa yang berkesempatan dijemput ke Kumon Smart Kids 2008 untuk mendapat maklumat lanjut.

Setiap keluarga akan diberi cen-

deramata kenangan sempena 50 tahun penubuhan Kumon. Mereka juga boleh mengunjungi pusat Kumon berhampiran untuk mengetahui lebih lanjut tentang pengendalian program Kumon ini.

Ibu bapa seharusnya mengambil peluang keemasan ini untuk meningkatkan potensi diri anak mereka melalui Program Kumon.

Kumon juga menjemput individu yang berminat untuk mengikuti program francaisnya yang kini mendapat permintaan ramai pelajar di seluruh negara.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi talian bebas tol 1800-88-1010 atau e-mel [information@kumon.com.my](mailto:information@kumon.com.my)